



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan  
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2  
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4  
62630 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603-8888 6021  
E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)  
Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

---

### KENYATAAN MEDIA

### SEBUTAN KES DERA ANJING HUSKY

### DI KONDOMINIUM LANDMARK RESIDENCE 1, KAJANG

**PUTRAJAYA:** Pada 30 Ogos 2024, seorang pemunya anjing telah didakwa di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] di Mahkamah Sesyen Kajang.

Orang Kena Saman (OKS) yang hadir ke Mahkamah dan diwakili oleh peguamnya telah membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan terhadapnya dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM25,000.00. Jika OKS gagal membayar denda seperti yang telah ditetapkan, OKS akan dikenakan hukuman penjara selama enam bulan.

Mahkamah juga telah memerintahkan seekor anjing baka *Husky* yang merupakan ekshibit di dalam kes ini diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tujuan pengangkatan kepada orang awam yang layak dan berminat.

Proses pengangkatan anjing tersebut kepada orang awam akan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) melalui pengiklanan rasmi DVS dalam masa terdekat.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**30 OGOS 2024**